

## Bengkel PEMBENTANGAN LAPORAN AKNC PTAR 2014



Bengkel Pembentangan AKNC PTAR 2014 telah diadakan di Klana Beach Resort di Port Dickson pada 15 hingga 17 Jun 2015. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk:

- Membentangkan lapan (8) aspek utama mengikut *Malcolm Baldrige Education Criteria***
- Menambahbaik dan mengesahkan isi kandungan Laporan AKNC PTAR 2015.**

Pembentukan 8 kumpulan penyedia laporan kriteria telah dibuat yang terdiri daripada 29 orang staf PTAR, yang diketuai oleh Ketua Pustakawan, Ketua Jabatan dan Ketua Bahagian. Melalui bengkel ini, semua ahli kumpulan dapat memberi maklum balas dan cadangan isi kandungan laporan yang dibentangkan oleh ketua kumpulan bagi tujuan penambahbaikan isi kandungan dan kualiti laporan sebelum dihantar kepada pihak InQKA (*Institute of Quality and Knowledge Advancement*).

Bengkel dimulakan pada sebelah malam 15 Jun dengan ucapan pembukaan oleh Ketua Pustakawan PUI<sup>TM</sup>, En. Noor Hidayat Adnan. Beliau menyatakan harapan dalam ucapan beliau agar semua yang hadir dapat memberi komitmen yang tinggi agar Laporan AKNC PTAR dapat disiapkan pada tarikh yang telah ditetapkan. Ulasnya lagi, kemenangan PTAR sebagai Juara Peringkat Bahagian di AKNC 2014 perlu dijadikan sebagai pembakar semangat untuk mengekalkan kejuaraan tersebut dan memberi hasil yang lebih baik untuk AKNC 2015, pada tahun ini.

Pada keesokannya, bengkel dimulakan dengan pembentangan kumpulan pertama iaitu Kriteria 1: Kepimpinan dan diikuti dengan Kumpulan 2 : Perancangan strategik, Kumpulan 3 : Tumpuan kepada Pelanggan, Kumpulan 4 : Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan, Kumpulan 5 : Tumpuan kepada Tenaga Kerja dan Kumpulan 6 : Tumpuan kepada Operasi.

Pada petang hari kedua bengkel, para peserta berpeluang untuk bersama-sama dengan ahli falaq dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan melihat anak bulan bagi tujuan pengisytiharan 1 Ramadhan 1436H, dan di sebelah malamnya pula, peserta diberi peluang untuk menyaksikan planet Zuhal di Balai Cerap berhadapan dengan hotel.

Hari ketiga bengkel diteruskan dengan pembentangan Kumpulan 7 : Hasil Pencapaian dan Kumpulan 8 : Hasil Inovasi. Selesai sesi pembentangan tersebut, Ketua Pustakawan PUI<sup>TM</sup> menyarankan agar semua cadangan maklum balas diteliti dan diambil tindakan segera untuk melengkapkan laporan tersebut.



## SIDANG REDAKSI

Idea, Konsep dan Terbitan  
Unit Penerbitan, Bahagian  
Kompetensi dan Korporat,  
PTAR

**Penasihat**  
En. Noor Hidayat Adnan

**Editor**  
En. Jamalludin Sulaiman

**Pengurus Produksi**  
Pn. Nor Azwani Mohamad

**Wartawan**  
En. Nik Lokman Nik Ismail

Pn. Nor Azwani Mohamad  
En. Mohd Hazrul Mohd Hussin  
Pn. Aznur Umiza Binti Abu  
Kassim

**Grafik**  
Cik Ain Nur Munirah Abdullah  
En. Zawawi Husin

**Foto**  
Pn. Rostinah Mujir

**Edaran**  
Pn. Munirah Mohamad Izzan

# Lawatan Penandaarasan Delegasi PTAR

## Ke Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI

11 Jun 2015 - Dalam

usaha mencapai matlamat dan fungsi bahagian yang lebih berkesan dan efektif, Bahagian Pembangunan Sumber Bercetak yang terdiri daripada tiga unit utama iaitu Unit Pembangunan Monograf & Media, Unit Hadiah & Pesanan Tetap dan Unit Katalog & Kelas telah mengambil inisiatif dengan mengadakan lawatan penandaarasan ke institusi yang bertepatan dengan objektif lawatan yang digariskan iaitu Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



Lawatan yang diwakili oleh 26 orang yang terdiri daripada pegawai dan staf sokongan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pendekatan yang lebih luas kepada staf bagi mempelajari dan melihat proses perolehan dan pembelian bahan selain daripada memberikan tumpuan kepada penggunaan sistem Pustaka VRS iaitu sistem penilaian prestasi pembekal yang digunapakai di Perpustakaan Tuanku Bainun dan mendapatkan pendedahan terhadap kerja pengkatalogan bahan yang berfokus kepada bahan muzik untuk penambahbaikan proses kerja.

Menurut Puan Noormala Maarof, Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Bercetak, beliau mengharapkan input dan perkongsian daripada lawatan ini dapat memberikan penambahbaikan dan kelancaran fungsi dan proses kerja bahagian selain mengadaptasi amalan terbaik perpustakaan lain yang bersesuaian dengan Perpustakaan UiTM bagi mencapai kecemerlangan berterusan.

Rombongan delegasi PTAR telah disambut dan diraikan oleh Puan Hajah Siti Sumaizan Ramli, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan barisan Pustakawan serta staf Perpustakaan Tuanku Bainun sebelum diberikan taklimat pengenalan mengenai Perpustakaan. Turut serta adalah pegawai daripada Bahagian Perolehan dan Bahagian Pengkatalogan yang memberikan penyampaian tentang peranan, fungsi, aktiviti dan operasi bahagian dan seterusnya taklimat khas mengenai sistem Pustaka VRS oleh Pegawai Teknologi Maklumat mereka. Melalui sesi interaksi yang dijalankan juga telah membolehkan kedua-dua pihak untuk bertukar-tukar pengalaman dan juga pengetahuan yang bukan sahaja meliputi bidang perolehan dan pengkatalogan, malahan turut merangkumi lain-lain aspek pengurusan perpustakaan. Delegasi PTAR turut dibawa untuk melawat ke ruang kerja bahagian yang berkenaan bertujuan memberikan gambaran sepenuhnya tentang pengurusan dan cara kerja yang dijalankan di sesi akhir lawatan ini.

## Majlis Bacaan Yaasin & Tahlil

### Berserta Tazkirah Sebelum Ramadhan

Bersempena bulan Ramadhan yang hampir tiba, pihak Jawatankuasa Tazkirah PTAR telah mengadakan Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil beserta Tazkirah PTAR tahun 2015 / 1436H.

Majlis ilmu yang berlangsung seawal jam 8.00 pagi ini bertempat di Bilik Seminar, PTAR Utama. Bagi menghormati dan mengingati mereka yang telah tiada, sebahagian warga PTAR telah menyertakan nama-nama arwah untuk majlis bacaan Yaasin dan Tahlil ini. Bacaan yaasin dan tahlil ini diketuai oleh Ustaz Mohd Hafiz Mohd Hasan dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM.

Selesai mengadakan bacaan yaasin, majlis disambung dengan Tazkirah bertajuk "Jin dan Manusia" yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Hafiz. Menyampaikan tazkirahnya dengan penuh bersahaja, Ustaz Mohd Hafiz menyifatkan jin tidak boleh dilihat dengan mata kasar, oleh sebab itu ia dinamakan jin kerana tertutup dari hijab manusia.

Ternyata segala ilmu yang disampaikan oleh beliau sangat bermanfaat dan penuh pengetahuan. Majlis yang berlangsung selama dua jam itu tamat dengan bacaan doa oleh Encik Abdul Razak bin Abdul Rahman, Pustakawan dari PTAR.



# KURSUS PEMANTAPAN PEMBANGUNAN DAN PENGUKURAN

PEMILIKAN BAHAN-BAHAN BACAAN/RUJUKAN SILIBUS UiTM  
KOLEKSI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA NEGERI 2015

**Anjuran** BAHAGIAN PENGURUSAN REPOSITORI INSTITUSI DAN IMBANGAN BAHAN  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)

Disediakan Oleh: En. Zulkifli Hj Ismail & Herman Tanbeh  
Bahagian Pengurusan Repositori Institusi dan Imbangan Bahan

## SKOP KURSUS

1. Pendedahan kepada penggunaan template Semakan Semakan Bahan Bacaan/Rujukan Silibus (SBBRS) yang digunakan oleh seluruh sistem PUiTM:

Penyediaan Senarai Bahan  
Semakan Status Koleksi  
Semakan Alat Perolehan (*ACQ Tools*)  
Penentuan Pembelian

2. Pengenalan kepada E-Syllabus di dalam PTAR KM Portal sebagai medium penyimpanan dokumen silibus UiTM

3. Penerangan lengkap Polisi Bahan Bacaan/Rujukan Silibus

4. Pemporosan teknikal bahan bacaan/rujukan silibus seperti *Tag 526*, *Item Category* dan *Spine Label*

5. Penempatan bahan bacaan/rujukan silibus

PROGRAM / TARIKH	PENCERAMAH & FASILITATOR	CATATAN
Program Kursus di PUiTM KEDAH  Tarikh : 01-02 Jun 2015  Tempat : Perpustakaan Sultan Badlishah	1. Penceramah: En. Zulkifli Hj Ismail Timbalan Ketua Pustakawan  2. Fasilitator En. Mohd Fahizan bin Hamid Pustakawan	- Kursus dirasmikan oleh Pn. Norhayati Binti Ismail Pustakawan Kanan  - Jumlah peserta adalah 26 orang.  - Peserta terdiri daripada Pustakawan Kanan, Pustakawan, Pembantu Perpustakaan Kanan, Pembantu Perpustakaan, Pembantu Pemuliharaan & Pembantu Am Pejabat

## Kursus di PUiTM Kedah



## Kursus di PUiTM Terengganu

PROGRAM / TARIKH	PENCERAMAH & FASILITATOR	CATATAN
Program Kursus di PUiTM TERENGGANU  Tarikh : 08-09 Jun 2015  Tempat : Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Terengganu	1. Penceramah: En. Zulkifli Hj Ismail Timbalan Ketua Pustakawan  2. Fasilitator En. Mohd Fahizan bin Hamid Pustakawan	- Kursus dirasmikan oleh Pn Anuar Binti Awang Timb. Ketua Pustakawan  - Peserta 21 orang.  -Terdiri daripada Timb. Ketua pustakawan, Pustakawan Kanan, Pustakawan, Pembantu Perpustakaan Kanan, Pembantu Perpustakaan, Kerani Kanan & Pelajar Praktikal  -Turut hadir Staf Perpustakaan UiTM Bukit Besi & Perpustakaan UiTM Kuala Terengganu



# BENGKEL PEMANTAPAN KOMUNIKASI Pegawai Perhubungan Perpustakaan PROFILE PAGE



**B**engkel Pemantapan Komunikasi Pegawai Perhubungan Perpustakaan – *Profile Page*, anjuran Bahagian Perkhidmatan Akademik, Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah diadakan pada 2 hingga 3 Jun 2015, di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam. Seramai 43 orang peserta kursus yang terdiri daripada Pustakawan yang telah dilantik sebagai Pegawai Perhubungan Perpustakaan dari Kampus Shah Alam dan Perpustakaan Satelit. Tuan Hj. Ahmad Faizar, Pustakawan Bahagian Perkhidmatan Akademik dan En. Mohd Izwan Salim telah diundang sebagai penceramah bagi program dua hari ini.

## Objektif :

1. Memantapkan *Profile Page* Pegawai Perhubungan Perpustakaan sebagai medium komunikasi Pegawai Perhubungan Perpustakaan PTAR secara maya.
2. Membantu Pegawai Perhubungan Perpustakaan melengkapkan template *Profile Page* dengan mengisi butiran penting dalam page tersebut. (Contohnya nama, kelayakan, bidang kepakaran dan lain-lain.)
3. Membantu Pegawai Perhubungan Perpustakaan melengkapkan *Resource Page*.
4. Menerangkan dengan jelas cara-cara penyelenggaraan *Profile Page* PTAR.

## DIARI PTAR *Jun 2015*

Lawatan Kerja Perpustakaan Sultan Abd Samad, Universiti Putra Malaysia ke PTAR **02 Jun 2015**

Perbincangan Pengindeksan Tesis UiTM di PTAR **05 Jun 2015**

Taklimat Makmal Transformasi : Tadbir Urus Terbaik, Autonomi & Pengurusan Kejut **04-05 Jun 2015**

Bengkel Pemantapan Komunikasi Pegawai Perhubungan Perpustakaan - Profile Page **09 Jun 2015**

Tajuk Taklimat : Peranan L.O **09 Jun 2015**

Bengkel Penyediaan Laporan Objektif Kualiti (OK) / Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PUiTM **10-11 Jun 2015**

Mesyuarat Tadbir Urus PUiTM Bersama Arkib UiTM **11 Jun 2015**

Lawatan Penandaarasan Staf BPSB ke UPSI **11 Jun 2015**

Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil **12 Jun 2015**

Bengkel Penyediaan Laporan AKNC di Port Dickson **15 - 17 Jun 2015**

Lawatan SMK Pasir Putih, Pasir Gudang ke PTAR **16 Jun 2015**

Mesyuarat Jawatankuasa Penyediaan Laporan Tahunan PTAR **25 Jun 2015**